

# Soal Jawab Agama

Soalan dan jawapan untuk Soal Jawab Agama ini dipetik daripada 'RUANGAN SOAL JAWAB KEMUSYKILAN AGAMA' dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Soalan dan jawapan telah dimodifikasi tanpa mengubah maksudnya supaya lebih difahami dan sesuai untuk bacaan umum.

## S1: Apakah hukum malu dalam Islam?

**J1:** Hukum malu dalam Islam adalah sebahagian daripada Iman. Oleh itu, bersifat malu adalah satu tuntutan dalam Islam dan harus sesuai dengan keadaan. Contohnya jika malu untuk berkahwin, maka hukumnya haram..

**S2: Benarkah amalan bacaan doa awal tahun dan akhir tahun adalah salah di sisi agama Islam? Amalan ini dikatakan hanyalah ikutan orang dahulu dan bukan dari hadis yang diriwayatkan oleh Nabi Muhammad s.a.w serta bukan amalan Baginda?**

**J2:** Doa adalah senjata orang mukmin. Al-Quran dan Hadith Nabi menyuruh kita supaya sentiasa berdoa kepada Allah ketika berada dalam keadaan senang dan susah. Bacaan doa awal dan akhir tahun adalah perbuatan baik yang digalakkan kita melakukannya, kerana ia mengandungi unsur memohon kerahmatan ketetapan iman dan kebaikan di dunia dan akhirat.

**S3: Sebagai seorang muslim, kita bertanggungjawab untuk menasihati kawan-kawan seperti menunaikan solat. Masalah yang saya hadapi ialah, saya sudah cuba tapi apakan daya, saya gagal. Adakah saya berdosa kalau membiarkan dia terumbang ambing dan saya tidak ada kekuatan untuk menegurnya lagi.**

**J3:** Maksud hadith Nabi SAW, Islam itu agama nasihat. Sikap saudara/saudari untuk menasihati kawan-kawan adalah sebahagian perbuatan yang dituntut di dalam Islam dan melaksanakan proses dakwah. Pelbagai rintangan yang dihadapi oleh orang yang berdakwah tetapi sebagai umat Islam kita tidak boleh berputus asa dengan apa yang berlaku. Tingkatkan doa dan pelbagaikan cara seperti menghadihkan buku, bahan tazkirah agar terbuka pintu hatinya untuk menunaikan solat dan mengamalkan Islam.

**S4: Bagaimana seseorang hendak**

**J4:** Dosa-dosa yang dilakukan oleh seseorang itu, boleh ditebus dengan melakukan taubat nasuha dan jika berkaitan dengan harta orang yang dicurinya, hendaklah segera dipulangkan balik kepada yang empunya atau membayar dengan nilai/kos barang yang dicuri itu jika barang tersebut telah hilang/binasa. Ini kerana dosa berkenaan tidak terhapus dengan meminta ampun kepada Allah S.W.T., tetapi perlu meminta dihalalkan harta tersebut dengan tuan yang memiliki harta tersebut. Segeralah berbuat demikian agar dosa-dosa yang dilakukan tersebut diampunkan Allah S.W.T.

dalam amalan yang dilarang oleh syarak. Manakala amalan meletakkan batu nesan di kubur sekadar untuk meletakkan tanda di atas kubur tersebut hukumnya adalah harus. Menukar batu nesan kepada batu nesan yang lain tanpa ada sebarang keperluan termasuk dalam amalan pembaziran yang ditegah oleh syarak.

**S6: Saya ingin bertanya mengenai adat-adat yang dipegang Rasulullah s.a.w. semasa acara majlis pertunangan mengikut syaria Islam.**



**S5: Saya ingin mendapat kepastian berkaitan perkara berikut yang banyak dilakukan oleh masyarakat Melayu sekarang:-**

**1. Apakah hukumnya membina teduhan (pondok) di atas pusara.**

**J 6:** Pertunangan dalam Islam adalah dimulakan dengan khutbah oleh wakilnya dengan dimulai dengan puji-pujian kepada Allah serta selawat ke atas nabi berdasarkan hadis yang bermaksud "setiap perkara yang penting sekiranya tidak dimulakan dengan pujian kepada Allah adalah tidak sempurna". Khutbah hendaklah diteruskan dengan berpeseran



**"Demi menjaga keharmonian dan kemandapan hidup berumah tangga yang merupakan tuntutan syarak, seorang suami/isteri hendaklah bertolak ansur dan bekerjasama dalam menguruskan perbelanjaan rumah dan anak-anak."**



**J8:** Pada dasarnya suami tidak berhak terhadap pendapatan seorang isteri. Sungguhpun begitu, demi menjaga keharmonian dan kemandapan hidup berumah tangga yang merupakan tuntutan syarak, seorang suami/isteri hendaklah bertolak ansur dan bekerjasama dalam menguruskan perbelanjaan rumah dan anak-anak. Puan dinasihatkan supaya berhati-hati menguruskan perbelanjaan ini kerana

buat masa kini terdapat berbagai masalah timbul berkaitan perbelanjaan ini. Sebaik-baiknya puan memaklumkan kepada suami terlebih dahulu setiap perbelanjaan yang dibuat demi menjaga keharmonian rumah tangga.

**S10:** Saya ada dua kemusykilan dan ingin penjelasan dari Ustaz.

**1- Saya sudah 2 tahun terlibat aktif dalam industri MLM (Multi Level Marketing). Sejak akhir-akhir ini banyak persoalan yang membingungkan saya. Ada yang mempersoalkan tentang pendapatan hasil MLM ini dengan hujah-hujah tertentu. Tambah membingungkan terdapat juga Ustaz-Ustaz yang bergiat aktif dalam bidang ini. Tolong Ustaz perelaskan mungkin dari sudut muamalat dalam islam supaya saya mendapat rezeki yang barakah.**

**2- Mohon ustaz perelaskan tentang ASN atau ASB. Adakah ia menepati apa yang digariskan di dalam hukum muamalat Islam? Dan bolehkah saya menabung didalamnya?**

**S7:** Apakah syarat-syarat berpoligami mengikut hukum agama dan undang-undang negara kita? Adakah lelaki perlu mendapatkan keizinan dari isterinya dahulu sebelum bernikah dengan perempuan lain dan bagaimana caranya jika lelaki tersebut ingin meneruskan hasratnya bernikah di dalam negara tanpa memberitahu isteri pertamanya?

**J7:** Menurut hukum syara' seorang lelaki muslim boleh berpoligami sehingga empat orang isteri dan dia hendaklah berlaku adil menurut tuntutan agama. Pada peringkat awal lelaki muslim digalakkan berkahwin dengan janda yang suaminya syahid di medan perang. Di atas keperihatinan terhadap anak dan janda tersebut Rasulullah SAW menggalakkan mereka yang masih hidup mengahwini wanita-wanita yang kematian suami. Pada masa kini negara kita menguatkuasa enakmen syariah di setiap negeri. Salah satu enakmen termasuklah undang-undang keluarga dan poligami. Mungkin terdapat beberapa perbezaan kecil yang menghendaki suami perlu mendapatkan keizinan isteri atau kelulusan mahkamah dan seumpamanya bagi meneruskan hasrat tersebut.

**S8:** Bolehkah saya tahu hak sebenar seorang suami terhadap wang gaji daripada seorang isteri yang bekerja? Adakah si suami tiada hak langsung di mana isteri boleh membelanjakan sepenuhnya wang itu sesuka hati tanpa kebenaran suami? Bagaimana pula jika isteri menghantar wang kepada ibu bapanya di kampung tanpa kebenaran suami walhal si isteri itu tahu suaminya sedang mengalami masalah kewangan.



**S9:** Saya seorang penternak kambing dalam skala besar. Najis/tahi kambing itu boleh diproses untuk dijadikan baja bagi digunakan di sektor perladangan. Soalnya halalkah najis tersebut untuk dijual?

**J9:** Hukum asal menjual apa-apa najis adalah haram. Walaubagaimanapun diharuskan menjual baja daripada tahi kambing..

**J10:** Islam telah menetapkan bahawa setiap urusan jual beli mestilah bersih daripada unsur-unsur perbuatan penipuan, merampas, khianat, riba, judi, rasuah, mencuri dan putar belit. Perniagaan dianggap halal sekiranya dalam membeli, khidmat urusan "downline" tidak ada unsur-unsur yang dinyatakan di atas dan keuntungan yang diperolehi adalah daripada hasil usaha yang selimpal dengan perkhidmatan yang diberi. Mengikut fatwa negeri Perak dan Kedah, pelaburan dalam ASB adalah harus dan dividennya halal..

